

UCAPAN BAJET TAHUN 2009 DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

A. PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinnya buat pertama kalinya saya membentangkan Bajet DBKL Tahun 2009.
2. Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah meluluskan Bajet 2009 pada 4 Disember 2008 selaras dengan keperluan Seksyen 55 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.
3. Wawasan DBKL adalah untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia. Ini adalah selaras dengan wawasan negara iaitu Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020.
4. Melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020, lima matlamat utama telah digariskan iaitu menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat komersial dan antarabangsa, bandar yang efisien, bandaraya yang mempunyai persekitaran hidup berkualiti, bandaraya beridentiti serta imej tersendiri dan urus tadbir yang cekap dan berkesan.
5. DBKL akan memberi keutamaan kepada kerja-kerja teras perbandaran iaitu pembersihan, pengindahan dan keselamatan, penyelenggaraan sistem perparitan, jalan-jalan utama dan protokol, penyelenggaraan kemudahan awam dan rekreasi. Tumpuan akan diberikan kepada kawasan-kawasan yang menjadi nadi pertumbuhan ekonomi dan pelancongan.
6. DBKL akan mempertingkatkan lagi sistem dan budaya kerja berkualiti, mengambil tindakan segera terhadap aduan, memudahkan proses permohonan dan kelulusan pembangunan, pelesenan, pembayaran dan kutipan. Ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada semua pihak yang berurusan dengan DBKL dimana ianya secara tidak langsung membantu untuk menajankan aktiviti ekonomi dan sosial di peringkat tempatan, nasional dan antarabangsa.

B. TEMA BAJET 2009

7. DBKL memperuntukan sejumlah RM2.081 billion dalam Bajet 2009. Penyediaan bajet ini adalah bagi tujuan untuk DBKL melaksanakan kerja-kerja teras, perbandaran dan meneruskan pelaksanaan projek-projek dan program-program tahun 2008. Bajet ini disediakan selaras dengan dasar kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi bagi menghadapi persekitaran kelembapan ekonomi yang akan berlaku pada tahun hadapan.
8. Walaupun peruntukan ini telah disediakan, DBKL akan mengambil langkah berbelanja secara berhati-hati dan berjimat cermat tetapi tidak menjejaskan kualiti perkhidmatan kepada semua pihak yang berkepentingan.
9. Oleh itu, DBKL telah memilih tema '**BELANJAWAN BERHEMAH, KUALA LUMPUR SEJAHTERA**' sebagai tema bajet 2009.
10. Bajet ini akan direalisasikan melalui beberapa strategi yang telah dikenalpasti. Diantara strategi berkenaan adalah dengan berbelanja ke atas perkara penting dan perlu yang memberi kesan secara langsung kepada semua pihak, melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut jadual yang ditetapkan, meningkatkan sistem penyampaian yang cekap serta berkesan dan mengurangkan bajet sebanyak 8.1% berbanding tahun 2008.
11. Dalam usaha untuk meningkatkan kutipan hasil, DBKL akan menjadikan tahun 2009 sebagai Tahun Penguatkuasaan. Oleh itu, penguatkuasaan ke atas semua undang-undang dan peraturan yang digunakan oleh DBKL akan dilaksanakan secara menyeluruh.

C. BAJET 2009

12. Daripada jumlah peruntukan yang disediakan RM2.081 billion, peruntukan tersebut diagihkan seperti berikut :-

- i. Peruntukan Mengurus berjumlah RM1.212 billion (58.2%)
- ii. Peruntukan Pembangunan berjumlah RM 869.91 juta (41.8%)

13. Peruntukan ini adalah merupakan pengurangan sebanyak RM182.45 juta iaitu 8.1% berbanding dengan bajet 2008 iaitu RM2.263 billion.

14. Dalam peruntukan mengurus 2009, RM1.212 billion diperuntukan berbanding RM1.274 billion dalam tahun 2008. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM62.49 juta atau 2.8%.

15. Dalam peruntukan pembangunan pula, sejumlah RM869.91 juta diperuntukan berbanding RM989.88 juta dalam tahun 2008. Ini menunjukkan pengurangan sebanyak RM119.96 juta (5.3%).

D. HASIL DAN PEMBIAYAAN

16. Anggaran hasil dan pembiayaan peruntukan adalah daripada sumber-sumber berikut :-

- i. Anggaran hasil sebanyak RM1.212 billion.
- ii. Peruntukan Rancangan Malaysia Ke9 (RMK9) dan Peruntukan Khas Kerajaan Pusat sebanyak RM394.03 juta
- iii. Sumbangan Berkanun daripada Pemaju RM6.0 juta
- iv. Rezab pembangunan sebanyak RM469.88 juta

17. Daripada anggaran hasil sejumlah RM1.212 billion, hasil cukai taksiran sebanyak RM735.68 juta bersamaan 61%, hasil bukan cukai sebanyak RM302.98 juta bersamaan 25% dan terimaan bukan hasil sebanyak RM172.89 juta bersamaan 14%. Ini termasuk terimaan geran dari Kerajaan Pusat untuk Geran Penyelenggaraan Jalan Raya berjumlah RM30 juta dan juga Bantuan Penyelenggaraan Perumahan Awam/PPR MTEN berjumlah RM 40 juta.

18. Kerajaan Pusat juga akan menyalurkan peruntukan untuk Projek Pembangunan RMK9 dan Projek Khas Tebatan Banjir yang keseluruhannya berjumlah RM 394.03 juta.

E. AGIHAN PERUNTUKAN BAJET TAHUN 2009

Menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat komersial dan antarabangsa

19. Dalam usaha DBKL mencapai matlamat menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat komersial dan antarabangsa, penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik dan efisien seperti jalanraya, jejambat, persimpangan bertingkat dan sistem perparitan diberi keutamaan. Dalam usaha ini, DBKL telah memperuntukan sejumlah RM134.76 juta untuk tujuan kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur sediaada dan RM497.26 juta untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Penyelenggaraan dan pembinaan jalan

20. Bagi kerja-kerja penyelenggaraan jalan raya, ianya meliputi kerja baikpulih, penurapan jalan dan penyelenggaraan lampu jalan. Sejumlah RM82.12 juta (7.0%) telah disediakan daripada peruntukan mengurus.

21. Bagi tujuan membaikpulih dan penurapan semula jalan-jalan utama dan protokol dianggarkan sepanjang 150 kilometer, sejumlah RM25 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja berkenaan. Jalan-jalan ini termasuklah Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Jalan Parlimen, Jalan Tun Razak dan Jalan Bukit Bintang. Peruntukan yang besar ini disediakan memandangkan kadar penggunaan jalan-jalan tersebut sangat tinggi, maka kerja-kerja penyelenggaraan perlu lebih kerap dilaksanakan.

22. Di bawah peruntukan pembangunan, DBKL menyediakan sejumlah RM365.50 juta atau 42.02% bagi merancang, melaksana dan menyiapkan 55 projek jalan-jalan raya, persimpangan bertingkat, mising link serta kerja-kerja menaiktaraf jalan. Sebahagian daripada peruntukkan ini iaitu RM246 juta atau 67% adalah daripada peruntukan Kerajaan Pusat melalui RMK9.

Menaiktaraf dan Penyelenggaraan Sistem Perparitan, Sungai serta Projek Tebatan Banjir

23. Usaha-usaha untuk memastikan sistem perparitan dan sungai sentiasa berada dalam keadaan yang baik bagi mengatasi masalah banjir kilat, sejumlah RM28.64 juta diperuntukkan. Ini adalah bagi kerja-kerja pembuangan sampah, pengorekan kelodak, membaik pulih parit dan membaiki tebing-tebing runtuh.

24. Sejumlah RM101.80 juta (11.7%) daripada peruntukkan pembangunan disediakan bagi mempertingkatkan sistem perparitan dan pembinaan kolam takungan banjir. Daripada jumlah ini, sebanyak RM88.0 juta dibiayai oleh Kerajaan Pusat dibawah peruntukan khas tebatan banjir bagi pelaksanaan 11 projek.

Kemudahan Ruang Penjajaan dan Perniagaan

25. Bagi menyediakan kemudahan kepada golongan penjaja dan peniaga, DBKL memperuntukan sejumlah RM29.96 juta (3.44%) bagi merancang, melaksana dan menyiapkan 28 projek bangunan komersil, pusat penjaja, pasar dan gerai berkunci.

26. Lima projek akan disiapkan dalam tahun 2009 iaitu Kompleks Pasar Datuk Keramat, Pusat Komersil Bandar Baru Sentul, Pusat Penjaja Jalan Rotan, Kampung Attap, Pusat Penjaja di PPR Laksamana dan Pusat Penjaja Jalan Rejang, Setapak.

27. Projek lain yang akan dilaksanakan seperti Pusat Komersil di PT 80, Jalan Masjid India, Pusat Penjaja PPR Air Panas dan menaiktaraf Jalan Raja Bot serta kawasan sekitarnya. Projek-projek ini dirancang sebagai satu usaha untuk menempatkan semula penjaja-penjaja ke dalam bangunan bagi menaiktaraf perniagaan penjajaan.

28. DBKL juga akan membina Kompleks Penjualan Ayam di Selayang yang mampu membekalkan ayam yang bersih, segar dan Halal. Projek ini adalah bertujuan untuk mengambilalih aktiviti penjualan ayam secara terbuka yang ada sekarang.

Menjadikan Kuala Lumpur Bandaraya Efisien

29. Matlamat untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya yang efisien dari segi kemudahan pengangkutan awam, sistem maklumat lalulintas, bandaraya selamat dan penyediaan prasarana teknologi maklumat (ICT) akan diteruskan. Usaha ini penting untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai destinasi tarikan pelabur dan pelancong.

30. Untuk tujuan tersebut, beberapa peruntukan disediakan seperti penyelenggaraan ITIS, sistem trafik dan lampu isyarat, terminal hentian bas, hentian teksi dan bas, sistem letak kereta dan papan tanda jalan. Sejumlah RM69.88 juta (5.76%) daripada peruntukan mengurus disediakan bagi tujuan kerja-kerja penyelenggaraan ini.

31. Sebagai sebuah bandaraya selamat, DBKL telah memperuntukan sejumlah RM22.5 juta (2.59%) dibawah peruntukan pembangunan untuk pembinaan alat pengunci motosikal, pemasangan tambahan CCTV dan sistem kawalan lalulintas berkomputer. Peruntukan ini juga adalah untuk pembinaan jambatan dan jejantas bagi tujuan keselamatan pejalan kaki.

Mewujudkan Persekitaran Hidup Berkualiti

32. DBKL bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja teras perbandaran dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Kerja-kerja yang dilaksanakan meliputi kerja-kerja perkhidmatan pembersihan dan pengindahan bandar, penyediaan kemudahan sukan dan rekreasi, perkhidmatan kesihatan awam, kemudahan perumahan dan pembangunan sosial serta kemasyarakatan.

33. Sejumlah RM241.19 juta (20%) daripada peruntukan mengurus disediakan bagi tujuan pembersihan dan pengindahan bandar. Ini melibatkan kerja-kerja pengurusan sampah, pengurusan stesen pemindahan sisa pepejal, "Lechate Treatment Plant", bayaran "tipping fees", pembersihan siarkaki, perkhidmatan pemotongan rumput serta penyelenggaraan pokok. Sebahagian daripada peruntukan ini disediakan untuk bayaran kepada kontraktor pembersihan kutipan sampah sebanyak RM124 juta.

34. DBKL menyediakan sejumlah RM50.18 juta (4.14%) untuk menyelenggara kawasan rekreasi, taman dan kemudahan sukan. Antaranya adalah seperti menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan taman awam, kawasan lapang dan taman-taman di kawasan perumahan dan Dataran Merdeka. Peruntukan ini juga digunakan untuk menyelenggara premis kemudahan sukan seperti kompleks sukan, padang bola dan futsal.

35. Sejumlah RM14.57 juta (1.0%) diperuntukan untuk perkhidmatan seperti kerja-kerja fogging, penangkapan haiwan-haiwan terbiar, pelupusan sisa klinikal dan ubat-ubatan. Perkhidmatan ini juga meliputi program pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit seperti demam denggi dan penyakit bawaan vektor seperti tikus dan lalat. Program-program ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengawal penyakit bawaan vektor. Bagi mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat Kuala Lumpur, perkhidmatan klinik ibu mengandung dan kanak-kanak juga disediakan.

36. DBKL telah memperuntukan RM43.12 juta (4.96%) daripada peruntukan pembangunan bagi tujuan melaksanakan pelbagai projek kemudahan awam dan kemasyarakatan. Daripada jumlah berkenaan, RM33.80 juta (3.88%) disediakan untuk merancang, melaksana dan menyiapkan 36 projek seperti pembinaan surau dan masjid, dewan-dewan serbaguna, pusat komuniti, tandas awam, klinik ibu mengandung dan kanak-kanak serta menaik taraf krematorium.

37. Projek ini memberi kemudahan kepada orang ramai untuk beribadah, bersosial, beriadah dan mengadakan majlis keramaian. Selain itu juga, kemudahan krematorium akan dinaiktaraf untuk meningkatkan kapasiti pembakaran mayat bukan Islam.

38. Sejumlah RM10.6 juta (1.22%) diperuntukan untuk merancang dan menyiapkan dua projek kemudahan sukan iaitu di Jalan Medang Tanduk, Bangsar dan Komplek Sukan Integrasi Sukan Air Panas. Disamping itu, pembinaan beberapa padang dan futsal terbuka akan dilaksanakan dan disiapkan di beberapa lokasi iaitu di Kampung Batu Muda, Taman Setiawangsa, Taman Beringin dan Danau Desa.

39. Sejumlah RM68.35 juta (7.86%) disediakan untuk merancang, melaksana dan menyiapkan 43 projek kemudahan dan pembangunan rekreasi seperti menaiktaraf 7 taman-taman utama sedia ada seperti pembinaan tandas awam, taman permainan kanak-kanak, siarkaki dan perabot landskap. Pelaksanaan projek ini adalah untuk menambah kemudahan kepada orang ramai terutama golongan belia dan remaja untuk bersukan dan beriadah.

40. Sejumlah RM15.64 juta (1.3%) diperuntukan bagi membolehkan DBKL menyumbang dalam usaha melahirkan masyarakat majmuk yang maju dan bersatu dengan menyediakan pelbagai program yang melibatkan setiap lapisan masyarakat warga kota. Program seperti kelas tuisyen, program bimbingan, kaunseling, program keagamaan, kesenian dan kebudayaan serta Projek Sang Kancil akan terus dilaksanakan. Disamping itu, peruntukan juga disediakan untuk program Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Kebangsaan yang melibatkan pelbagai pihak.

41. Bagi tujuan mengurus 70,354 unit rumah dibawah tanggungjawab DBKL, sejumlah RM101.16 juta (8.3%) disediakan untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan naiktaraf lif, kerja-kerja penyelenggaraan awam, elektrik dan mekanikal, mengecat semula bangunan dan penyelenggaraan sistem SCADA serta pembersihan kawasan. Kerja-kerja ini dapat memberikan keselesaan kepada penghuni yang rata-rata terdiri golongan berpendapatan rendah.

Urus Tadbir Yang Cekap dan Berkesan

42. Untuk melaksanakan tanggungjawab dan peranan mengurus Kuala Lumpur ke arah bandaraya bertaraf dunia, DBKL memerlukan sistem pengurusan dan jentera pentadbiran yang cekap dan efisien. Sejumlah RM579.4 diperuntukan untuk tujuan bayaran emolumen, bayaran urusan pejabat, kemudahan dan latihan kakitangan.

43. Sebahagian daripada peruntukan di nyatakan, sebanyak RM5.73 juta adalah untuk program latihan kakitangan bagi memantapkan lagi kecekapan warga kerja DBKL dalam usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan.

44. Bagi mempertingkatkan sistem penyampaian, DBKL telah memperuntukan RM33.36 juta untuk membangunkan dan menaiktaraf beberapa sistem termasuk Sistem Perakaunan Berkomputer, dokumentasi imej, sistem e-perumahan dan pembangunan Projek "Computerised Asset Management System".

45. Pembangunan sistem ini dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan bekerja. Ianya juga dapat mempercepatkan capaian dan penyampaian maklumat serta perkhidmatan kepada semua pihak yang berurusan dengan DBKL.

F. RUMUSAN

46. Secara keseluruhannya bajet DBKL 2009 mengalami defisit sebanyak 23%. Anggaran hasil hanya dapat membiayai keseluruhan perbelanjaan mengurus. Manakala perbelanjaan pembangunan, sejumlah RM469.88 juta dibiayai melalui rezab pembangunan DBKL dan sejumlah RM394.69 juta dibiayai oleh Kerajaan Pusat.

47. Anggaran hasil dijangka bertambah kepada RM 1.212 billion berbanding dengan RM1.15 billion dalam tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 5.22%. Dalam keadaan kelembapan ekonomi 2009 cabaran bagi DBKL adalah untuk mengutip anggaran hasil yang disasarkan.

48. DBKL akan terus melaksanakan kajian untuk meningkatkan hasil-hasil utama seperti cukai taksiran. Usaha-usaha penguatkuasaan kutipan hasil seperti cukai taksiran, kompaun, sewa harta dan lesen perlu dipertingkatkan selaras dengan Tahun Penguatkuasaan DBKL 2009.

49. DBKL akan menjalankan kajian impak nilai kewangan (value for money) ke atas projek-projek dan program-program yang telah dilaksanakan. Ini untuk memastikan semua perbelanjaan diurus secara berhemah, berintegriti dan bertanggungjawab.

50. Program-program dan projek-projek yang dirancang bukan sahaja dapat mencapai objektif dan visi menjadikan Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan Maju dan Sejahtera serta sebuah Bandaraya Bertaraf Dunia tetapi juga dapat merangsang pertumbuhan ekonomi di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

